



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN BAHAGIAN AKAUN
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KOD CARTA AKAUN
ASAS AKRUAN BAGI AKAUN AMANAH PERKHIDMATAN
PENYEDIAAN LAPORAN PERUBATAN (LP) DI HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(KOD AKAUN AMANAH L1212734)**

<https://account.moh.gov.my>

11 JANUARI 2021

KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. PEKELILING DAN PERATURAN YANG BERKUAT KUASA	1
3. TAKRIFAN	2
4. LATAR BELAKANG	2
5. PENGGUNAAN CARTA AKAUN ASAS AKRUAN BAGI URUSNIAGA TERIMAAN DAN PERBELANJAAN	2
6. PENUTUP	6
7. RINGKASAN PENGGUNAAN KOD CAA	7
LAMPIRAN 1	
DAFTAR KAWALAN TUNTUTAN PEGAWAI PERUBATAN / PEGAWAI PERUBATAN PAKAR	8

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN KOD CARTA AKAUN ASAS AKRUAN BAGI
AKAUN AMANAH PERKHIDMATAN PENYEDIAAN LAPORAN PERUBATAN DI
HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(KOD AKAUN AMANAH L1212734)**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk menyelaraskan penggunaan kod akaun yang tepat bagi Akaun Amanah Perkhidmatan Penyediaan Laporan Perubatan Di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan keperluan Carta Akaun Asas Akruan (CAA) dalam *Intergrated Government Financial and Management Accounting System (iGFMAS)*.
- 1.2 Penggunaan kod CAA ini akan memberi kesan terhadap ketepatan Pelaporan Penyata Kewangan Kementerian. Garis Panduan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 11 Januari 2021 (Surat Edaran Bahagian Akaun Bilangan 2 Tahun 2018 dibatalkan).

2.0 PEKELILING DAN PERATURAN YANG BERKUAT KUASA

Panduan ini perlu dibaca bersama dengan Surat Pekeliling berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Arahan Amanah dan Garis Panduan / Pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkuat kuasa termasuklah seperti berikut:

- 2.1 Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Billangan 16 Tahun 2010. Garis panduan Laporan Perubatan di Hospital-Hospital dan Institusi Perubatan.
- 2.2 Surat Cawangan Hasil, Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia, nombor rujukan: (96) dlm.KKM-203/29 bertarikh 11 Jun 1993 – Bayaran Bagi Laporan Perubatan Untuk PERKESO.
- 2.3 Surat Cawangan Hasil, Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia, nombor rujukan: (35) dlm.KKM-203/28 Jld. 2 bertarikh 19 September 2000 – Permohonan Perkhidmatan Doktor Pakar Kerajaan Untuk Skim Pengeluaran Hilang Upaya KWSP.
- 2.4 Arahan Amanah bagi Akaun Amanah Perkhidmatan Penyediaan Laporan Perubatan Di Hospital Kementerian Kesihatan mula berkuat kuasa pada 9 Disember 2020.

- 2.5 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2017: Struktur Kod Perakaunan.
- 2.6 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 10 Tahun 2017: Carta Akaun Asas Akruan.

3.0 TAKRIFAN

Takrifan bagi maksud garis panduan ini adalah seperti berikut:

3.1 Laporan Perubatan

Merujuk kepada Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 16 Tahun 2010, Laporan Perubatan adalah dokumen yang disediakan oleh pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia (Akta Fi 1951 – Perintah Fi (PERUBATAN) 1982 mengenai masalah kesihatan dan rawatan yang diperolehi oleh seseorang pesakit di hospital atau mana-mana kemudahan kesihatan berdasarkan rekod perubatan pesakit tersebut.

4.0 LATAR BELAKANG

- 4.1 Mula berkuat kuasa pada 9 Disember 2020, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan pengasingan Akaun Amanah Perkhidmatan Penyediaan Laporan Perubatan dan Perkhidmatan Rawatan Perubatan di bawah Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP) di Hospital Kerajaan kepada dua (2) Akaun Amanah.
- 4.2 Akaun Amanah sedia ada telah dipinda kepada Akaun Amanah Perkhidmatan Penyediaan Laporan Perubatan di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, di mana akaun amanah ini hanya mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan berkaitan perkhidmatan penyediaan Laporan Perubatan sahaja.

5.0 PENGGUNAAN CARTA AKAUN ASAS AKRUAN BAGI URUSNIAGA TERIMAAN DAN PERBELANJAAN

5.1 Penggunaan Kod CAA Semasa Terimaan:

Arahan Amanah Klausula 14.1 menyatakan sumber kewangan bagi Akaun Amanah ini adalah bayaran laporan perubatan (bahagian Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Pakar) yang diterima daripada

pesakit yang memohon untuk mendapatkan laporan perubatan mengikut jenisnya.

Semasa membuat pengeluaran resit, Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan beberapa kriteria berikut:

- i) jenis Laporan Perubatan;
- ii) pesakit / pemohon adalah warganegara Malaysia atau warganegara asing; dan
- iii) pegawai penyedia Laporan Perubatan adalah Pegawai Perubatan atau Pegawai Perubatan Pakar

untuk menentukan sama ada terimaan dikreditkan keseluruhannya ke Akaun Amanah atau dikreditkan mengikut nisbah 50:50 ke Akaun Amanah dan Akaun Hasil Kerajaan supaya kod CAA yang betul digunakan khusus bagi Akaun Amanah ini.

- a) Terimaan dikreditkan keseluruhannya ke Akaun Amanah.

Ringkasan Kod CAA yang perlu digunakan adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
L734	H0272164	Bayaran Laporan Perubatan KKM

Jadual 1:

**Panduan Penggunaan Kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA)
Semasa Terimaan Dikreditkan Keseluruhannya ke Akaun Amanah**

- b) Terimaan dikreditkan dengan nisbah 50:50 ke Akaun Amanah dan Akaun Hasil Kerajaan.

Ringkasan Kod CAA yang perlu digunakan adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
L734	H0272164	Bayaran Laporan Perubatan KKM
G000	H0272164	Bayaran Laporan Perubatan KKM

Jadual 2:

**Panduan Penggunaan Kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA)
Semasa Terimaan Dikreditkan Dengan Nisbah 50:50 ke Akaun Amanah
dan Akaun Hasil Kerajaan**

5.2 Penggunaan Kod CAA Semasa Perbelanjaan

5.2.1 **Arahan Amanah Klausula 15.1** menyatakan penggunaan wang Akaun Amanah adalah bagi bayaran kepada Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Pakar yang menyediakan laporan perubatan mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 atau lain-lain kadar yang berkuat kuasa.

Ringkasan kod CAA yang perlu digunakan adalah seperti Jadual 3 di bawah:

Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
L734	B0229199	Perkhidmatan Yang Lain

Jadual 3:

Panduan Penggunaan Kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA) Semasa Bayaran Kepada Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Pakar

5.2.2 **Arahan Amanah Klausula 15.2** menyatakan penggunaan wang Akaun Amanah adalah bagi bayaran balik kepada pesakit yang tidak memerlukan laporan perubatan atau laporan perubatan tidak disediakan.

a) Terimaan telah diakaunkan keseluruhannya di Akaun Amanah.

Ringkasan kod CAA yang perlu digunakan adalah seperti Jadual 4 di bawah:

Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
L734	B0551132	Pulangan Balik Hasil Bayaran Ikhtisas

Jadual 4:

Panduan Penggunaan Kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA) Semasa Bayaran Balik Kepada Pesakit

b) Terimaan telah diakaunkan dengan nisbah 50:50 sebagai Akaun Hasil kerajaan (Dana G000) dan Akaun Amanah (Dana L734).

Sekiranya bayaran hendak dikembalikan / *refund* kepada pesakit, di mana kutipan telah diakaun sebagai urusniaga terimaan dengan nisbah 50:50 dikreditkan ke Akaun Amanah dan

Akaun Hasil Kerajaan, permohonan peruntukan bayaran balik hasil melalui Vot B11 perlu dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Negeri masing-masing.

Ringkasan kod CAA yang perlu digunakan adalah seperti Jadual 5 di bawah:

Kod Dana/Vot	Kod Akaun	Perihal
L734	B0551132	Pulangan Balik Hasil Bayaran Ikhtisas
B11	B0551132	Pulangan Balik Hasil Bayaran Ikhtisas

Jadual 5:
Panduan Penggunaan Kod Carta Akaun Asas Akruan (CAA)
Semasa Bayaran Balik Kepada Pesakit
(Terimaan Dengan Nisbah 50:50 Akaun Amanah dan Akaun Hasil Kerajaan)

5.2.3 **Arahan Amanah Klausula 15.3** menyatakan penggunaan wang Akaun Amanah adalah pelarasan bahagian Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Pakar bagi kes Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Pakar yang tidak membuat tuntutan melebihi 18 bulan dan bahagian Hasil ke Akaun Hasil Kerajaan.

PTJ perlu mengenal pasti bahagian Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Pakar yang tidak dituntut melebihi 18 bulan. Bagi tujuan ini PTJ boleh menyelenggara Daftar Kawalan Tuntutan Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Pakar seperti contoh di **Lampiran 1**. Bahagian yang tidak dituntut ini dibuat pelarasan jurnal ke Akaun Hasil Kerajaan.

Catatan pelarasan jurnal ke Akaun Hasil Kerajaan adalah seperti berikut:

Catatan Pelarasan Jurnal Ke Akaun Hasil Kerajaan

		Kod Dana	Kod Akaun	Perihal
Dt		L734	H0272164	Bayaran Laporan Perubatan KKM
	Kt	G000	H0272164	Bayaran Laporan Perubatan KKM

6.0 PENUTUP

- 6.1 Penggunaan CAA diperlukan bagi menghasilkan pelaporan kewangan dan perakaunan yang tepat dan seragam di peringkat Kementerian/ Jabatan dan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertanggungjawab untuk mematuhi penggunaan CAA dalam semua transaksi kewangan.
- 6.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini, PTJ boleh merujuk kepada pihak berikut:

Setiausaha Bahagian Akaun
Bahagian Akaun
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u/p: Unit Pengurusan Amanah, Deposit dan Panjar)

e-Mel : acc_amanah@moh.gov.my

Telefon : 03-8883 3252

**AKAUN AMANAH PERKHIDMATAN PENYEDIAAN LAPORAN PERUBATAN
DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
RINGKASAN PENGGUNAAN KOD CAA**

KOD AKAUN AMANAH L1212734 DANA AMANAH L734	
Klausa 14.1	Kod CAA
<ul style="list-style-type: none"> - bayaran laporan perubatan (bahagian PP/PPP) yang diterima daripada pesakit yang memohon untuk mendapatkan laporan perubatan mengikut jenisnya. 	<ul style="list-style-type: none"> - H0272164 [Bayaran Laporan Perubatan KKM]
Klausa 15.1	Kod CAA
<ul style="list-style-type: none"> - bayaran kepada Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> - B0229199 [Perkhidmatan Yang Lain]
Klausa 15.2	Kod CAA
<ul style="list-style-type: none"> - bayaran balik kepada pesakit 	<ul style="list-style-type: none"> - B0551132 [Pulangan balik hasil bayaran ikhtisas]
Klausa 15.3	Kod CAA
<ul style="list-style-type: none"> - pelarasan bahagian Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan Pakar yang tidak dituntut melebihi 18 bulan ke Akaun Hasil Kerajaan. 	<ul style="list-style-type: none"> - H0272164 [Bayaran Laporan Perubatan KKM]

LAMPIRAN 1

Daftar Kawalan Tuntutan Pegawai Perubatan/Pegawai Perubatan Pakar

Bil.	Nama Pesakit	Nama PP/PPP	Tarikh Resit	No. Resit	Tarikh Penyata Pemungut	No. Penyata Pemungut	Terimaan		Bayaran Kepada PP/PPP			Catatan
							Akaun Amanah	Akaun Hasil	Tarikh BB	No. BB	Amaun	
							RM	RM			RM	

Nota:

- PP : Pegawai Perubatan
- PPP : Pegawai Perubatan Pakar
- BB : Baucar Bayaran